

Gotong-royong jalan terbaik atasi masalah

29/5 KOSMO

PORT DICKSON – Terima kasih YB, terima kasih MPPD!

Itulah luahan ikhlas penduduk D'Ambang Kota, Lukut apabila satu gotong-royong membersihkan kawasan dan memperbaiki sistem perparitan dilakukan bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chuah, Foo Ming Chee, Majlis Perbandaran Port Dickson (MP-PD) semalam.

Pengerusi Persatuan Penduduk D'Ambang Kota, Shaari Othman berkata, setelah tersiar masalah perparitan di taman berkenaan disiarkan *KOSMO!* pada 18 Mei lalu, hubungan penduduk dan MPPD semakin baik sehingga tercapai hasrat mengadakan gotong-royong itu.

“Kami berpuas hati kerana program ini dapat dilaksanakan dengan baik untuk mengatasi masalah parit tersumbat dan nyamuk yang banyak di kawasan ini.

“Selain itu, kerjasama ini menunjukkan MPPD prihatin terhadap masalah penduduk dan berharap kerjasama yang terjalin akan berkekalan sehingga semua masalah di sini dapat diselesaikan dengan segera agar tidak membebankan penduduk,” katanya kepada *KOSMO!* semalam.

Sementara itu, Ming Chee berkata, kerjasama itu harus dipuji kerana ia dapat mengeratkan lagi hubungan ma-



KANAK-KANAK turut serta dalam gotong-royong D`Ambang Kota, Lukut semalam.

syarakat dengan MPPD.

Menurutnya, persekitaran yang bersih adalah tanggungjawab bersama dan dengan adanya program seperti itu, ia dapat membantu kerajaan dan pihak berkuasa tempatan menjaga persekitaran agar sentiasa bersih.

“Masalah-masalah lain yang terdapat di taman perumahan ini seperti masalah parit, Sijil Layak Menduduki (CF), jalan utama dan beberapa lagi yang membelenggu penduduk akan saya bangkitkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri nanti,” katanya.